

# Ulang Tahun Ke-20 ENCOMAS

## Encomas tawan hati pelanggan 20 tahun kekal unggul, utamakan kualiti dalam membina kediaman



Kakitangan yang sentiasa memberi komitmen tinggi dalam usaha memajukan Syarikat Encomas.



Rick Cheng ketika menerima anugerah Malaysia Property Award 2019 atas kejayaan yang dicapai Syarikat Encomas.

**ROSHILA MURNI ROSLI**

**S**ejak mula ditubuhkan 20 tahun yang lalu, Syarikat Encomas yang berpusat di Alor Setar, Kedah ini masih berpegang pada prinsip yang sama iaitu menjadikan pelanggan gembira serta berpuas hati dengan rumah yang dibina dan dijual kepada mereka.

Justeru, tidak hairanlah mengapa setiap unit rumah di bawah Encomas akan habis terjual dalam tempoh yang singkat bermula dari tarikh ia dilancarkan.

Pengarah Urusan Encomas, Datuk Rick Cheng berkata, mereka sangat menitikberatkan kualiti dan sentiasa berusaha membina kediaman yang praktikal serta mampu dimiliki untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Menurutnya, sebagai contoh, harga bagi rumah teres di bawah kategori rumah mampu milik ditawarkan pada harga serendah RM190,000 dengan kelengkapan tandas dan tiga bilik tidur.

"Kami faham keputusan membeli rumah melibatkan peruntukan yang besar bagi sesetengah individu. Jadi, kami mahu pelanggan berasa puas



Pejabat pertama Encomas pada tahun 2000 di Padang Besar, Perlis.

hati dengan pembelian yang mereka lakukan," katanya kepada Sinar Harian.

Encomas juga menitikberatkan setiap aduan yang diterima oleh pelanggan terutamanya berkaitan masalah yang dihadapi selepas mereka menerima kunci rumah.

Bagi mengekalkan kualiti, setiap isu yang dibangkitkan oleh pembeli diambil berat supaya pelanggan tidak berdepan dengan masalah kemudian hari.

"Tindakan ini membuktikan Encomas



Taman Kancil di Anak Bukit, Kedah juga merupakan projek perumahan dibina Syarikat Encomas.

sentiasa menjaga kepuasan pelanggan dan menghargai pengorbanan mereka yang telah melaburkan wang dalam jumlah yang besar untuk membeli rumah," katanya yang merupakan generasi ketiga dalam industri pembinaan.

Katanya, sebagai sebuah syarikat yang berdasarkan keuntungan, mereka juga tidak terkecuali menjalankan

program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu komuniti setempat.

"Memandangkan kami adalah sebuah syarikat harta tanah dan pembinaan, kami mengambil keputusan untuk menjalankan aktiviti CSR dalam bidang berkaitan antaranya membaik pulih jeti di Pekan Cina dan juga membina surau di beberapa lokasi.

"Walaupun beroperasi sebagai sebuah syarikat bukan Islam, namun program CSR kami tidak hanya tertumpu kepada sesuatu bangsa sahaja.

"Untuk pembinaan surau saya akan dapatkan pandangan dan kebenaran daripada imam surau yang terlibat supaya tidak timbul isu di kemudian hari.

"Setakat ini, terdapat empat surau yang dijalankan di bawah projek CSR iaitu dua daripadanya dibina sepenuhnya oleh Ecomas dan dua lagi menerusi sumbangan bahan binaan kerana terbengkalai terlalu lama," katanya.

Sempena ulang tahun yang ke 20 Encomas, beliau berharap setiap rumah yang dibina oleh syarikat mereka sama ada jenis mampu milik, sederhana mewah atau mewah akan terus menjadi pilihan penduduk di negeri Perlis dan Kedah.



Mempersembahkan kek sempena Hari Keputeraan Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam ke-89.



Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kanan) bersama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kiri) ketika berkenan melawat lorong Cafe Diem di Alor Setar.

# Ulang Tahun Ke-20 ENCOMAS

**Caffe Diem**  
memenangi anugerah  
**FIABCI World Prix**  
**D'Excellence Award**  
untuk kategori  
**Bangunan Warisan**  
**Terbaik Dunia 2019**  
yang diadakan di  
**Moscow.**



## Peluang baharu

Encomas turut melebarkan sayap perniagaan mereka menerusi bidang lain antaranya Ladang Harumango di Chuping, Perlis dan pembukaan Caffe Diem di Pekan Cina, Alor Setar, Kedah.

"Pada Jun tahun lalu, Encomas melalui Caffe Diem telah memenangi FIABCI World Prix D'Excellence Award untuk kategori Bangunan Warisan Terbaik Dunia 2019. Saya hadir untuk menerima anugerah berkenaan di Moscow.

"Ini merupakan anugerah pertama yang diterima oleh Kedah di peringkat antarabangsa dan pengiktirafan ini sudah semestinya menjadi satu platform untuk kami cuba melakukan yang lebih baik pada masa akan datang.

"Melihat sambutan baik yang kami terima untuk Caffe Diem, satu cawangan dicadangkan dibuka di Perlis selepas ini," katanya yang menerima lebih 30 anugerah berprestij atas pencapaian syarikatnya.

Rick Cheng berkata, ketika



**Rick Cheng menyembahkan cenderamata Harumango kepada Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail sebagai tanda kenangan.**

negara dilanda pandemik Covid-19, syarikatnya turut terlibat menyumbang makanan kepada petugas barisan hadapan di pusat kuarantin di negeri ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

"Ini adalah sebahagian usaha kami untuk menzahirkan rasa terima kasih kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus memerangi pandemik berkenaan di negeri ini," katanya.



**Kerja-kerja membaik pulih jeti di Pekan Cina, Alor Setar melalui program CSR Encomas.**



**Surau Kampung Kubang Pisang Pendang yang dibina hasil program CSR daripada Syarikat Encomas.**

## Anugerah yang diterima Encomas



- 2020: MyCREST Award - 3 STAR
- 2020: Penghargaan Kecemerlangan Komuniti MBAS
- 2019: GreenRE Platinum Award
- 2019: FIABCI World Prix D'Excellence Award - World Silver Winner
- 2018: Malaysia Property Award
- 2018: The Brandlaureate Award
- 2017: The Best Contractor Award Grade G5 CIDB (Special Mention)
- 2017: Green Construction Award CIDB (Special Mention)
- 2017: PAM Award Silver
- 2017: Anugerah Pemuliharaan Bangunan Warisan MBAS
- 2017: BCI Asia Interior Design Awards
- 2017: Asia Pacific Property Awards
- 2016: GreenRE Silver Award
- 2016: PUMM 3rd Top 50 Enterprise Award
- 2015: Asia Pacific Property Awards
- 2014: Golden Eagle Award
- 2014: IAIR Award
- 2013: The Excellence of Achievement Award
- 2013: Sin Chew Business Excellence Award
- 2011: Asia Responsible Entrepreneurship Awards
- 2011: Asia Pacific International Honesty Enterprise Award
- 2010: SME 100 Awards
- 2010: SME Recognition Award
- 2010: Golden Bull Award
- 2010: Asia Pacific Top CEO Award
- 2010: Asia Pacific Entrepreneurship Award
- 2010: Asia Pacific International Entrepreneur Excellence Award
- 2009: SME Recognition Award